

Kerja-kerja pembaikan siap lebih awal, lancarkan perniagaan sebelum Ramadan dan Syawal

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR

Peniaga lega Jalan Masjid India kembali dibuka

FOTO: BERNAMA

Peniaga berhampiran lokasi tanah jerlus di Jalan Masjid India di sini berharap pembukaan semula kawasan itu bermula Selasa lepas dapat mengembalikan kerancakan pengunjung seperti sedia kala.

Peniaga kedai buku, Rizal Jasmi, 64, berkata, insiden tragis itu menyebabkan kawasan itu lengang daripada pengunjung yang kurang yakin dengan keselamatan di lokasi itu.

Menurutnya, penutupan laluan kenderaan sepanjang kerja baik pulih juga turut menjejaskan kehadiran pengunjung di sana.

"Masa pandemik Covid-19, perniagaan memang sudah merudum, kemudian berlaku pula insiden tanah jerlus makin merosot perniagaan sampai 80 peratus.

"Sampaikan sehari pernah tidak ada jualan langsung. Jadi saya harap lepas kawasan ini kembali dibuka, perniagaan akan stabil dan kembali rancak," katanya

sewaktu tinjauan pada Rabu.

Pada Selasa, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif telah merasmikan pembukaan semula Jalan Masjid India selepas ditutup hampir empat bulan untuk kerja baik pulih.

Dalam kejadian 23 Ogos tahun lalu, seorang wanita warganegara India, Vijaya Lakshmi, 48, dilaporkan terjatuh ke dalam lubang benam itu.

Selepas sembilan hari, operasi mencari dan menyelamatkan dihentikan dan mangsa gagal ditemui.

Seorang peniaga kedai baju Melayu, Hayati Hamzah, 60, berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak mungkir janji apabila berjaya menyiapkan pemulihan kawasan itu lebih awal daripada jadual ditetapkan.

"Apabila secara rasmi dibuka semula pada Selasa, saya rasa lega. Sejak insiden itu, perniagaan kami sangat terjejas, tapi pada hari ini lihat orang sudah lalu-lalang dan semakin ramai membuatkan kami



Suasana di sekitar Jalan Masjid India melihat orang ramai mula melalui jalan lokasi perniagaan tersebut ketika tinjauan pada Rabu.

lebih bersemangat berniaga," katanya.

Dia juga meluahkan kelegaan dengan pembukaan semula kawasan itu dapat melancarkan operasi perniagaan sebelum Ramadan dan Syawal susulan lokasi itu tumpuan pengunjung membeli keperluan pada musim perayaan.

Sementara itu, pengunjung yang ditemui meluahkan rasa kurang yakin untuk melalui kawasan itu sejak insiden.

Pesara kerajaan, Sahul Hamid Daud Shahib, 64, berkata, insiden itu memberi kesan besar terhadap keyakinan pengunjung dan DBKL perlu memastikan aspek teknikal diberikan perhatian serius.

"Sebagai pengunjung, saya masih kurang yakin (aspek keselamatan di sini) tambahan pula ia melibatkan kes besar walaupun yang hilang hanya seorang na-

mun impaknya sangat besar.

"Justeru, DBKL perlu lebih peka, pastikan pemantauan berterusan dilakukan terutama di kawasan-kawasan lama seperti Jalan Masjid India ini supaya kejadian sama tidak berulang," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Zulkifli Arshad, 56, berkata, setahun sekali dia akan turun ke Jalan Masjid India untuk membeli keperluan namun selepas insiden tersebut, dia berfikir tidak lagi ke sana.

"Lepas kejadian saya ambil langkah waspada dan hanya akan turun jika perlu sahaja seperti hari ini untuk beli songkok sekolah anak.

"Harap agensi berkaitan buat pemantauan berkala sepanjang laluan saliran. Unit teknikal lebih tahu kerana mereka ada kepakaran tersebut," katanya.



RIZAL



HAYATI



SAHUL HAMID



ZULKIFLI